Berita Minggu | 6 Disember 2020

BERITA

Forum antarabangsa galak keharmonian, bersatu padu akan diadakan lagi

SHAHIDA SARHID sshahida@sph.com.sg

EDISI kedua forum berperingkat tinggi untuk menggalak keharmoni-an dan semangat bersatu padu akan dianjurkan Singapura lagi dalam masa dua tahun akan datang, umum Presiden Halimah Yacob, semalam.

Persidangan Antarabangsa Men-genai Masyarakat Bersatu Padu (ICCS) yang akan datang itu bakal memberi tumpuan kepada menghimpunkan amalan terbaik selain punkan amaian terbaik seiain menyokong peserta dengan bahan dan rangkaian memperkukuh per-paduan sosial, kata Puan Halimah yang memperkenal idea forum ant-ara agama, yang diadakan buat per-tama kalinya tahun lalu di Singapu-

"Kami mahu terus menggunakan platform ini unuk menyatukan pemimpin agama dan masyarakat dari serata dunia, serta pengamal dan penggubal dasar untuk memu-

puk perbincangan bagi membina masyarakat lebih kukuh dan ko-hesif," kata Puan Halimah. Beliau menambah persidangan kali pertama itu telah dihadiri ham-pir 1,000 wakil dari hampir 40 negara, telah menawarkan peluang bagi pelbagai perspektif untuk didengar dan dikongsi selain menjalin ranka-

dan dikongsi selain menjalin ranka-ian rentas masyarakat.

"Kekuatan daripada kepelbaga-ian hanya dapat berkembang daripa-da dialog dan saling memahami," ka-ta Puan Halimah.

Beliau telah berucap semasa ac-ara Mission: Unite Hackathon yang diadakan secara hibrid di Teater Pu-sat Drama.

sat Drama.
"Hackathon hari ini diadakan tepat pada masanya dalam menyatukan para belia untuk membincangkan idea dan membangunkan projek
masyarakat, demi memupuk keharmonian sosial dan memperkukuh
hubungan sebagai satu masyarakat,"
kata Puan Halimah lagi.
Lebih 200 peserta menyertai

hackathon kali pertama itu yang ber-

hackathon kali pertama itu yang bertujuan menyokong projek membangunkan masyarakat bagi mewujudkan kesedaran dan pemahaman sertamenjalin hubungan dan interaksi dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa dan agama.
Dianjurkan Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MC-CY) dari 27 November hingga 5 Disember, ia telah bekerjasama dengan agensi dan persatuan masyarakat lain seperti Majlis Belia Nasional, *Scape, OnePeople.SG, Pertubuhan Antara Agama, Pusat Keharmonian, Roses of Peace, Yayasan Antarabangsa Singapura dan syarikat teknologi. teknologi.

teknologi.
Di peringkat akhir, 10 kumpulan telah dipilih untuk bersaing untuk merebut geran projek keseluruhan bernilai sehingga \$300,000 untuk melaksanakan projek mereka.
Setiap kumpulan kemudian perlu membentangkan idea mereka di hadapan panel juri yang merupakan wakil kanan daripada masyarakat



PUPUK PERPADUAN: Presiden Halimah Yacob (tiga dari kiri) yang hadir sebagai tetamu terhormat acara Unite bersama tiga kumpulan terbaik pertandingan tersebut. – Foto MCCY

wam termasuk Cik Rahayu Mahzam, Timbalan Pengerusi Reach, yang juga Setiausaha Parli-men (Kesihatan).

Antara peserta yang mengambil bahagian ialah Cik 'Asyura Iklil Iman, 20 tahun, dari kumpulan Can-

Beliau bersama dua lagi anggota -Encik Au Yeong Wei Bin dan Encik Darren Kang - telah menghasilkan

satu platform dipanggil 'Ready or Not' yang merupakan sebuah laman web di mana forum disediakan un-tuk membolehkan masyarakat tidak kira bangsa dan agama berbincang tentang pengalaman seharian mere-ka tanpa dikhuatiri tekanan sosial dan undang-undang.

"Daripada satu tinjauan rambang yang kami ialankan ke atas orang

"Daripada satu tinjauan rambang yang kami jalankan ke atas orang muda berusia antara 19 dengan 25 tahun, kami dapati mereka takut un-

tuk membincangkan isu berkenaan bangsa dan agama ekoran tekanan

masyarakat.
"Justeru menerusi forum ini kami "Justeru menerusi forum ini kami mahu mewujudkan satu ruang selamat bagi perbualan dijalankan dengan kehadiran para pakar juga bagi memberi pandangan mereka berhubung sesuatu perkara," katanya. Kumpulannya telah menerima geran \$30,000 untuk merealisasikan idea mereka.

Youths from Heart of God Church and Khalid Mosque placed top 3 in the Mission: Unite hackathon organised by the Ministry of Culture, Community & Youth (MCCY). Alex Low (second from left) in the photo above is a youth from Heart of God Church in the winning team.